

Bangkai penyu karah ditemui di Pantai Mersing


S. H 8/2/2020 n/s 33

MERSING - Bangkai seekor penyu daripada spesies karah ditemui di Pantai Mersing di sini kelmarin.

Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Zamani Omar berkata, pihaknya menerima aduan mengenai penemuan bangkai terbabit pada jam 6.02 petang sebelum dimaklumkan kepada Cawangan Taman Laut dan Pengurusan Sumber, Jabatan Perikanan Negeri.

“Penyu tersebut dipercayai telah lama mati tetapi tidak dapat dikenalpasti puncanya kerana keadaan haiwan itu sudah kering. Sebelum ditanam, ukuran saiz dan berat badannya diambil dan direkodkan,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Zamani turut meminta kerjasama nelayan supaya menghubungi Jabatan Perikanan jika terjumpa penyu sakit yang masih hidup atau bangkai haiwan tersebut.



Bangkai penyu karah yang ditemui di Pantai Mersing kelmarin.